

IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempelawa calon-calon yang berkelayakan dan berwibawa untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Cansolor (Penyelidikan dan Inovasi). Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut:

Jawatan	:	Timbalan Naib Cansolor (Penyelidikan dan Inovasi) [TNC P&I]
Kategori	:	Pengurusan Tertinggi
Gred	:	Gred Utama B (VU6) - Terbuka
Taraf Lantikan	:	Secara Pertukaran Sementara/Peminjaman/Kontrak
Tempoh Lantikan	:	Tiga (3) Tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)
Kelayakan dan Pengalaman	:	Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Gred Khas C (Berjawatan Tetap/Kontrak/Setaraf)

1. KRITERIA UMUM

i. Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii. Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

iii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

- iv. **Reputasi**
Menjadi “*role model*” kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- v. **Personaliti**
Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- vi. **Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *Niche Area* Universiti**

2. KRITERIA KHUSUS

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria seperti berikut:

- i. **Pengalaman Membida Projek Penyelidikan Dengan Jaya**
Ini merupakan tugas hakiki TNC (P&I). Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama (PI) tetapi menjadi peneraju IPT masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.
- ii. **Mahir Mensintesis Instrumen Komitmen Penyelidikan (*RU Instrument*)**
KPI TNC (P&I) utama adalah meneraju penyelidikan di IPT masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tersebut tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat Institut, *Centre of Excellence* (COE) atau Fakulti.
- iii. **Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas**
Mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan Industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta, penyandang juga bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan di luar negara.
- iv. **Berkemampuan Dalam Menguruskan Aktiviti Berkaitan Harta Intelek**
Penyandang mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta intelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada Universiti melalui perlesenan dan pengkomersialan.

- vi. **Cemerlang Dalam Penyelidikan, Penerbitan Dan Urusan Pengkomersialan**
Penyandang mestilah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai *track record* dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit agar penyandang mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setaraf.
- vii. **Berpengalaman Sebagai Penyelia Yang Berjaya**
Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana penyandang bertanggungjawab menentukan hala tuju penyelidikan universiti dan menerapkan *research culture* dalam kalangan ahli akademik dan para penyelidik.

3. CARA MEMOHON

Calon yang berminat dan berkelayakan hendaklah mengemukakan permohonan berserta dokumen seperti berikut:

- i. Surat permohonan;
- ii. Ringkasan *Curriculum Vitae* (CV) Kepimpinan seperti di **Lampiran A**;
- iii. CV lengkap dan terkini yang mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:
 - a. Latar belakang diri dan keluarga termasuk alamat surat menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi;
 - b. Latar belakang pendidikan dan kerjaya;
 - c. Anugerah dan hadiah berprestij yang diterima di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
 - d. Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan universiti dan pendidikan tinggi negara.
- iv. *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan perancangan untuk portfolio jawatan sekiranya dilantik sebagai TNC (P&I). Ringkasan perancangan ini hendaklah disediakan berpandukan kepada kriteria jawatan; dan
- v. Dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan.

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.

Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

**PENDAFTAR
PEJABAT PENDAFTAR
ARAS 2, BANGUNAN CANSELORI
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
94300 KOTA SAMARAHAN
SARAWAK
Tel. : 082-581091**

4. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

- i. **Tuan Haji Azlan bin Ramli**
Pendaftar
Pejabat Pendaftar
No. Tel. : 082-581088
E-mel : razlan@unimas.my

- ii. **Encik Syahrizan bin Abang Monir**
Penolong Pendaftar Kanan
Pejabat Pendaftar
No. Tel. : 082-581937
E-mel : amsyahrizan@unimas.my

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dihantar sebelum atau pada **22 FEBRUARI 2023**.


- Tamat -

**RINGKASAN CURRICULUM VITAE (CV) KEPIMPINAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI AWAM**

[Diisi maksimum tiga (3) muka surat sahaja]

A. MAKLUMAT PERIBADI

Nama Penuh : _____
 Tarikh Lahir / Umur : _____
 Tempat Lahir : _____
 Nombor Kad Pengenalan : _____
 Jawatan Terkini : _____
 No. Tel Bimbit : _____
 E-mel : _____



B. MAKLUMAT PERJAWATAN

Sila lampirkan bersama ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini (Bagi pegawai Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan)

Jawatan dan Gred : _____
 Status : Tetap/Kontrak/Peminjaman
 Jabatan / PTj : _____
 Tarikh Mula Berkhidmat : _____
 Tarikh Bersara Wajib : _____

C. KELAYAKAN AKADEMIK

Tahap Ijazah	Bidang	Tahun	Institusi

D. LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)

Bagi tiga (3) tahun terkini sahaja

Tahun	Markah (%)

E. LAPORAN SCOPUS/GOOGLE SCHOLAR CITATIONS

Documents by author : _____
Citations by documents : _____
h-index : _____

F. SEJARAH PERJAWATAN

Jawatan	Status (Sementara/ Tetap/Kontrak/ Peminjaman)	Agensi/Jabatan	Tarikh	Tempoh (Durasi Tahun)

G. PENGALAMAN JAWATAN PENTANBIRAN

(Bagi Jawatan Pentadbiran Utama Universiti – Naib Canselor, Ketua Pegawai Eksekutif, Rektor, Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Timbalan Rektor, Pengarah dan Dekan sahaja)

Jawatan	Universiti/Agensi/ Organisasi	Tarikh	Tempoh (Durasi Tahun)	Sumbangan Signifikan (3 Sumbangan Utama Semasa Memegang Jawatan, Jika Berkaitan)

H. AFILIASI PROFESIONAL

Jawatan	Universiti/Agensi/ Organisasi	Tarikh	Tempoh (Durasi Tahun)	Sumbangan Signifikan (3 Sumbangan Utama Semasa Memegang Jawatan, Jika Berkaitan)

**I. PENYERTAAN PROGRAM PENILAIAN BAKAT KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI OLEH AKEPT
(JIKA ADA)**

Program	Tahun